



CANDIDATE
NAME

--	--	--	--	--

--	--	--	--

0546/22

May/June 2023

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.







- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [].

DC (EF/SG) 313831/2
© UCLES 2023

[Turn over

1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (A–F) di dalam kotak jawapan yang betul.

(a) Ali menaiki kereta ke sekolah.

[1]

(b) Imad menunggu kapal terbang di terminal.

[1]

(c) Kereta api ini menuju ke Ipoh.

[1]

(d) Manu memancing dari atas sampan.

[1]


(e) Beca sangat terkenal di Kota Melaka.

[1]

[Jumlah: 5]

2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di perpustakaan




Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

- | | | |
|---|----------------------|-----|
| (a) Anda ke sini untuk menonton dokumentari. | <input type="text"/> | [1] |
| (b) Anda dapat kebenaran di sini untuk membawa buku keluar. | <input type="text"/> | [1] |
| (c) Anda gunakan kemudahan ini untuk mencari buku. | <input type="text"/> | [1] |
| (d) Anda boleh ke sini untuk membaca bersendirian. | <input type="text"/> | [1] |
| (e) Anda boleh ke sini jika berasa lapar atau dahaga. | <input type="text"/> | [1] |

[Jumlah: 5]

3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.



(a) Shamil berasal dari ...

- A Indonesia. ☐
- B Singapura. ☐
- C Malaysia. ☐

[1]

(b) Dengan siapakah Shamil pergi ke sekolah?

- A Abangnya ☐
- B Kakaknya ☐
- C Adiknya ☐

[1]

(c) Apakah sifat Shamil yang disebutkan penulis?

A Pemalu

☐

B Pendiam

☐

C Peramah

☐

[1]

(d) Di dalam kelas, Shamil duduk di _____ Naim.

A belakang

☐

B sebelah

☐

C hadapan

☐

[1]

(e) Apakah aktiviti kegemaran Shamil di sekolah?

A Bersukan

☐

B Berbahas

☐

C Berlakon

☐

[1]

(f) Shamil ialah wakil sekolah dalam permainan ...

A tenis.

☐

B badminton.

☐

C bola sepak.

☐

[1]

(g) Mata pelajaran kesukaan Shamil ialah ...

A Sains.

☐

B Matematik.

☐


C Bahasa Melayu.

☐

[1]

[Jumlah: 7]

- 4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.



- (a) Nazmi ingin menjemput Puan Faridah untuk menjadi apa?

..... [1]

- (b) Rombongan ini dianjurkan untuk siapa?

..... [1]

(c) Berapa lamakah perjalanan ke Melaka?

..... [1]

(d) Nyatakan nama **dua** bangunan bersejarah di Bandar Hilir.

1

2 [2]

(e) Apakah peranan pegawai dari Muzium Melaka?

..... [1]

(f) Apakah maklumat yang mereka boleh dapati di Muzium Kesultanan Melayu Melaka?

..... [1]

(g) Bagaimanakah rupa bentuk Muzium Samudera?

..... [1]

(h) Apakah tumpuan utama Muzium Samudera?

..... [1]

(i) Bagaimanakah mereka akan makan tengah hari?

..... [1]

(j) Apakah yang mereka akan lakukan dalam kumpulan kecil?

..... [1]

(k) Apakah yang akan diterima oleh para pelajar daripada pihak pengurusan Taman Botanikal Melaka?

..... [1]

[Jumlah: 12]

5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Apakah bahan bacaan yang harus dipilih oleh setiap orang?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

Bahan Bacaan Pilihan

- | | | | |
|---|---|---|-------|
| a |  | <p>Aimi sangat gemar memasak. Makanan kegemaran yang dia pandai masak ialah masakan Melayu. Dia mahu meluaskan ilmu masakannya dengan belajar tentang masakan Barat.</p> | |
| b |  | <p>Jenny baru sahaja berpindah rumah. Dia mahu mendapatkan inspirasi untuk menghias rumahnya. Dia amat menggemari hiasan moden tetapi ringkas untuk bahagian dalaman.</p> | |
| c |  | <p>Helmy bercita-cita untuk menjadi pemandu pelancong. Dia gemar berjalan-jalan dan dia pernah mengembara ke serata dunia bersama kawan-kawannya. Dia ingin mencari tempat-tempat menarik untuk aktiviti pelancongan.</p> | |
| d |  | <p>Mala merupakan seorang penulis novel berbakat dan pernah menulis novel bertemakan teknologi masa depan. Untuk penulisan terbaharunya, dia mahu menulis kisah berkaitan dengan sejarah kemerdekaan negara pula.</p> | |
| e |  | <p>Ikram selalu mengikut bapanya memancing di laut. Dia suka mengambil gambar ikan-ikan tangkapannya dan dimuat naik ke dalam blognya. Namun begitu, tidak semua nama spesies ikan yang dia tahu.</p> | |

- 1 *Majalah Citra Reka* – Anda boleh melihat idea-idea terbaharu hiasan dalaman rumah yang menjadi idaman setiap keluarga. Hiasan kontemporari dan terkini menjadi fokus utama rekaan kami. Terdapat juga tip dan cadangan untuk menjimatkan kos untuk menghias dapur anda.
- 2 *Di Ambang Merdeka* – Buku ini mengumpulkan kisah-kisah menarik masyarakat berbilang bangsa di Tanah Melayu sekitar tahun 1950-an. Pelbagai pengalaman gembira, sedih, lucu dan sebagainya yang berlatarbelakangkan zaman pra-kemerdekaan diselitkan dalam buku ini.
- 3 *Laman Seri* – Anda ingin tinggal di sebuah rumah indah dalam taman? Dapatkan inspirasi menarik dan unik untuk menghiasi laman kediaman anda dengan bunga-bunga serta tanaman hijau mengikut tema yang anda idamkan.
- 4 *Ensiklopedia Lautan* – Kenali hidupan laut yang pelbagai melalui ensiklopedia bergambar yang memaparkan flora dan fauna lautan dari seluruh dunia seperti ikan tropika, obor-obor, ikan paus, haiwan bercengkerang, landak laut dan sebagainya.
- 5 *Cuti-Cuti Asia* – Sebuah majalah yang memberi informasi menarik tentang destinasi percutian di seluruh Asia. Anda boleh membaca tentang tip, petua dan pengalaman bercuti yang menarik dikongsi bersama oleh para pembaca.
- 6 *2100* – Kereta terbang. Telekomunikasi menggunakan gelombang minda. Robot memberikan perkhidmatan. Dunia yang aman dan merdeka. Sebuah karya fiksi sains yang memberikan gambaran kehidupan manusia di bumi pada abad ke 22.
- 7 *Selaman* – Majalah yang memperkenalkan dunia penyelaman sama ada di laut dalam, perairan cetek atau tasik. Terdapat rencana dan liputan tentang pengalaman menyelam, lokasi penyelaman yang terbaik, ulasan tentang peralatan menyelam dan hidupan laut.
- 8 *Selera Itali oleh Chef Rozi* – Sebuah buku resipi juadah dari Itali yang sangat menyelerakan. Anda boleh mencuba resipi pembuka selera seperti bruschetta atau hidangan utama seperti lasagna dan spaghetti. Anda pasti tidak akan kecewa.

[Jumlah: 5]

6 Baca rencana di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Amir Mustafa sememangnya mempunyai cita-cita yang tinggi. Pada 2017, dia telah meninggalkan kerjayanya sebagai seorang doktor untuk menjelajah dunia dengan berbasikal sendirian.

Amir menceritakan kisah pengembaraannya:

“Pada mulanya, saya fikir saya cuma akan dapat berbasikal di sekitar negara Asia. Mengembara jauh dari tempat asal terasa agak mustahil! Akan tetapi, basikal terpakai saya yang bernilai RM2,000 telah melangkaui jangkaan saya dan telah membawa saya ke 33 negara di Asia dan Eropah. Bermula di Indonesia, saya sangat berbangga kerana sudah dapat mengembara ke negara-negara seperti England, Perancis, Jerman, Kazakhstan dan Turkmenistan.

Setakat ini saya telah berbasikal lebih dari 18,000 kilometer. Jarak paling jauh yang saya pernah pergi ialah berbasikal lebih 500 kilometer dalam masa empat hari ketika merentasi Turkmenistan.

Berbasikal membuatkan badan saya lebih kuat. Malah, ujian ketahanan ini juga telah meningkatkan keyakinan diri saya. Tambahan pula, mengembara sebegini adalah lebih baik untuk dompet saya kerana saya tak perlu berbelanja untuk minyak. Untuk bermalam, saya lebih suka berkhemah sahaja atau menumpang di rumah penduduk tempatan.

Ada kalanya saya akan bertemu dengan orang-orang tempatan yang sungguh berbudi. Saya rasa, sepanjang pengembaraan saya orang Kazakhstanlah yang paling pemurah. Mereka melayan saya dengan sempurna. Hampir kesemua mereka yang saya temui telah memberi saya sedikit wang belanja apabila mereka dapat tahu saya mengembara sebegini.

Geli hati saya mengenangkan hari terakhir saya di Kazakhstan. Anjing milik tuan rumah yang saya tumpangi tiba-tiba melompat dan menerkam saya. Saya rasa anjing itu bukan berniat untuk ‘menyerang’ saya. Ia cuma tidak mahu saya pergi!”

Pengembara yang berjiwa kental ini juga berasa sangat gembira kerana dia telah dianugerahkan sebagai ikon inspirasi bagi belia oleh kerajaan tempatan.

Amir kini aktif dalam talian dan mempunyai lebih 176,000 pengikut di pelbagai platform media sosial.

“Berkongsi video pengembaraan saya di media sosial membawa ingatan saya kembali kepada pengalaman perjalanan saya yang penuh cabaran. Pelbagai emosi yang bercampur aduk timbul setiap kali saya menontonnya,” kata Amir.

(a) Apakah impian Amir Mustafa?

..... [1]

(b) Mengapakah Amir berasa kagum terhadap pencapaian dirinya? Beri **satu** jawapan.

..... [1]

(c) Apakah cabaran bagi Amir di Turkmenistan?

..... [1]

(d) Selain daripada menguatkan badan, apakah kesan positif lain yang Amir alami dalam pengembaraannya?

..... [1]

(e) Bagaimanakah Amir mampu berjimat sepanjang perjalanannya ini? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(f) Mengapakah Amir berkata orang Kazakhstan sangat baik terhadapnya? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(g) Mengapakah anjing tuan rumah di Kazakhstan menerkamnya?

..... [1]

(h) Apakah pengiktirafan yang Amir terima di atas pencapaiannya?

..... [1]

(i) Apakah yang Amir rasa apabila dia melihat semula videonya di media sosial?

..... [1]

[Jumlah: 11]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.